

27 FEB 2002

Komanwel/I

NEGARA-NEGARA KOMANWEL PERLU BERTINDAK

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 27 Feb (Bernama) -- Negara-negara Komanwel perlu bertindak menangani isu membabitkan perbezaan antara negara-negara kaya dan miskin, keganasan dan akses pasaran jika badan itu mahu kekal relevan.

Rumusan itu adalah hasil mesyuarat Rakan Usahasama Komanwel bagi Pengurusan Teknikal, semalam.

Mesyuarat tertutup selama tiga jam itu dihadiri antara lain oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Uganda Yuweri Kaguta Museveni.

Ketua Eksekutif CPTM Ltd, Datuk Dr. Mihaela Y Smith yang ditemui selepas mesyuarat itu berkata ia merupakan tiga isu utama yang menjadi kebimbangan negara-negara membangun dan negara-negara Komanwel perlu bertindak terhadap isu ini jika badan itu mahu terus relevan.

Dr Mihaela berkata Presiden Museveni, selaku penyelaras bagi Fellow CPTM, akan menjelaskan isu-isu berkenaan pada Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel (Cgogam) di Australia bulan depan.

Dr Mahathir berkata mesyuarat itu diadakan "sebagai persiapan" negara-negara anggota.

Ia hanya merupakan perbincangan dalaman sebagai persiapan untuk CHOGM dan juga dialog Langkawi," katanya kepada wartawan yang menunggu beliau dalam keadaan hujan lebat di bangunan CPTM Ltd.

Dr Mihaela Y Smith, yang menyambut ketibaan Perdana Menteri, memberi taklimat kepadanya dan presiden Museveni sebelum sesi khas tertutup itu.

Yang turut hadir ialah Lord Craig dari Radley, penyelaras bagi Crossbench Peers, Profesor Thomas DeGregori, seorang ahli ekonomi di University of Houston, Sir Martin Laing, Pengarah John Laing Plc, Sir Charles Masefield, Naib Presiden Bae Systems dan Sir Geoffrey Pattie, Rakan Kanan Terrington Management.

CPTM tercetus hasil idea yang dikemukakan pada CHOGM di Kuala Lumpur pada 1989. Objektifnya adalah untuk meningkatkan kerjasama teknikal antara negara anggota, awam dan sektor swasta.

Akhirnya terbentuklah Kumpulan Perundingan Komanwel bagi Pengurusan Teknikal yang beroperasi pada 1990 dan kemudian distrukturkan semula menjadi CPTM Ltd.

CPTM Ltd, sebuah syarikat bukan mencari keuntungan, menawarkan contoh bermakna dalam kerjasama ekonomi dan teknikal di kalangan negara anggota. Keanggotaannya termasuklah badan kerajaan, golongan profesional dan ahli perniagaan yang dikenali sebagai pekerja rangkaian.

Anggota CPTM Ltd membincangkan apa sahaja, daripada integrasi penyelidikan asas dan pengurusan alam sekitar kepada perancangan makro ekonomi, modal teroka dan pemasaran.

Sebelum itu, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, menghadiri sesi khas "Kumpulan Kerja Isu-isu Sosial" yang turut membincangkan tajuk bagi persiapan Dialog Antarabangsa Langkawi.

Sebelum menaiki pesawat untuk pulang, Dr Mahathir akan ditemubual oleh Syarikat Televisyen Timur Tengah, Al-Jazeera lewat hari ini.

Dr Mahathir juga dijadual menghadiri jamuan Chap Goh Meh anjuran Persatuan Cina Malaysia di kediaman Persuruhjaya Tinggi Malaysia ke London, di Hampstead.

-- BERNAMA

ZO DC MFJ LAT